

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



ISU DAN CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU

*ISSUES AND CHALLENGES IN THE TEACHING AND LEARNING OF MALAY
ESSAY WRITING SKILLS*

Amirah Fadhilah Amir^{1*}, Nor Azwahanum Nor Shaid²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: amrhfdhlh@gmail.com

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: azwahanum@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 05.05.2025

Revised date: 24.05.2025

Accepted date: 17.06.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Amir, A. F., & Shaid, N. A. N. (2025).
Isu Dan Cabaran Pengajaran Dan
Pembelajaran Kemahiran Menulis
Karangan Bahasa Melayu.
*International Journal of Education,
Psychology and Counseling*, 10 (58),
1256-1266.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058081.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu di kalangan pelajar. Kemahiran menulis merupakan aspek penting dalam penguasaan Bahasa Melayu kerana ia membolehkan pelajar menyampaikan idea secara jelas dan tersusun. Namun, pelajar sering menghadapi masalah seperti kurang minat membaca, kekurangan kosa kata, kesukaran penggunaan imbuhan, serta kelemahan dalam tatabahasa dan pengembangan idea. Dari perspektif guru, pendekatan pengajaran yang masih berpusatkan guru dan kurang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) turut menjejaskan keberkesanan pembelajaran. Kajian ini mencadangkan pendekatan kolaboratif sebagai strategi alternatif untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar secara lebih efektif. Dapatan kajian dijangka dapat membantu guru Bahasa Melayu memperbaiki pendekatan pengajaran dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis karangan. Pendekatan kolaboratif ini diharapkan dapat mengatasi isu yang dihadapi dan diamalkan secara meluas bagi memartabatkan pengajaran Bahasa Melayu serta memastikan pelajar menguasai kemahiran menulis yang kritikal dalam abad ke-21.

Kata Kunci:

Isu dan Cabaran Pembelajaran, Kemahiran Menulis Karangan, Peningkatan Kemahiran Menulis

Abstract:

This study aims to identify the issues and challenges faced in the teaching and learning of Malay essay writing skills among students. Writing skills are an important aspect of mastering the Malay language as they enable students to express ideas clearly and coherently. However, students often encounter problems such as lack of interest in reading, limited vocabulary, difficulties in using affixes, as well as weaknesses in grammar and idea development. From the teachers' perspective, teaching approaches that are still teacher-centered and place little emphasis on higher-order thinking skills (HOTS) also affect the effectiveness of learning. This study proposes a collaborative approach as an alternative strategy to enhance students' writing skills more effectively. The findings are expected to assist Malay language teachers in improving their teaching methods and boosting students' achievement in writing skills. The collaborative approach is hoped to address the existing issues and be widely adopted to elevate Malay language teaching and ensure students master critical writing skills in the 21st century.

Keywords:

Issues and Challenges in Learning, Essay Writing Skills, Improvement of Writing Skills

Pengenalan

Mata pelajaran Bahasa Melayu wajib dipelajari oleh murid dari sekolah rendah dan sekolah menengah dan wajib lulus. Kurikulum Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah telah dirancang untuk mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) agar dapat melahirkan individu yang seimbang mengikut JERI iaitu intelek, emosi, rohani dan juga jasmani. Mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah Tahun 6 (KPM 2021), kemahiran menulis adalah salah satu elemen yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, dari sekolah rendah lagi mereka sudah terdedah dengan kemahiran menulis yang dapat membantu mereka untuk berfikir secara kritis, dapat menyusun idea dengan teratur serta dapat mengekspresikan idea mereka secara jelas dan teratur melalui penulisan. Murid dibimbing untuk menulis karangan yang terdiri daripada karangan berformat dan tidak berformat sejak mereka tahap 2 iaitu tahun 4, 5 dan 6 di sekolah rendah (Mohd Harman dan Alizah Lambri, 2024). Kemahiran menulis karangan bukan sahaja tertumpu kepada penulisan tetapi mampu untuk menyusun dan mengembangkan idea serta menyampaikan maklumat dengan jelas dan tepat sehingga dapat menghasilkan karangan yang berkualiti tinggi. Selain itu, terdapat empat aspek kemahiran bahasa dalam kurikulum Bahasa Melayu di sekolah iaitu yang pertama kemahiran mendengar, diikuti dengan kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan akhir sekali kemahiran menulis (Habibah et al, 2020).

Kemahiran menulis mempunyai hubungan dengan kemahiran lain seperti kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Sekiranya murid tidak menguasai ketiga-tiga kemahiran ini, sudah tentu murid tidak boleh menulis karangan kerana kemahiran ini saling berkait antara satu sama yang lain. Tanpa kemahiran mendengar yang baik, murid akan sukar untuk memahami dan mengumpul maklumat yang diperlukan untuk mengembangkan idea dalam

karangan. Begitu juga, sekiranya murid tidak mahir dalam bertutur, mereka juga akan sukar untuk menyampaikan idea mereka dengan jelas. Kemahiran membaca pula penting untuk menambahkan kosa kata agar dapat menghasilkan ayat yang gramatis. Tanpa penguasaan ketiga-tiga kemahiran ini, murid akan sukar untuk menghasilkan karangan yang lengkap dan berkualiti kerana mereka tidak dapat merangka isi dan huraian dengan baik dan menyampaikan olahan ayat dengan bagus. Jelaslah bahawa, penguasaan yang menyeluruh dalam kemahiran bahasa adalah sangat penting untuk penulisan karangan.

Objektif Kajian

Pembelajaran kolaboratif merupakan satu pendekatan pengajaran yang menekankan kerjasama antara murid untuk mencapai matlamat pembelajaran melalui perkongsian idea, perbincangan dan sokongan rakan sebaya. Namun begitu, pelaksanaannya tidak semudah yang disangka, terutama bagi guru pemimpin pertengahan yang turut memikul tanggungjawab kepimpinan di samping tugas pengajaran harian.

Dalam konteks pengajaran penulisan karangan, cabaran yang dihadapi oleh GPP mungkin melibatkan faktor seperti tahap penguasaan bahasa murid yang tidak seimbang, kekangan masa untuk merancang aktiviti kolaboratif yang efektif, kurangnya sumber bantu mengajar yang sesuai, serta keperluan untuk memantau penglibatan murid secara aktif. Selain itu, beban tugas hakiki dan pengurusan turut memberi kesan terhadap pelaksanaan pembelajaran kolaboratif secara konsisten dan berkualiti. Menerusi kajian ini, pengetahuan tentang cabaran-cabaran tersebut dapat membantu pihak berkepentingan seperti pentadbir sekolah dan pembuat dasar untuk merangka intervensi yang bersesuaian bagi menyokong peranan GPP dan seterusnya meningkatkan keberkesanan pengajaran kemahiran menulis dalam kalangan murid.


Penyataan Masalah

Kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid masih menjadi isu berpanjangan sehingga kini. Kajian oleh Mohd Harman Md Rodzi dan Alizah Lambri (2024) mendapati murid menghadapi kesukaran mengenal pasti dan mengolah isi karangan kerana kekurangan pengetahuan serta idea. Murid bukan penutur jati Bahasa Melayu, seperti murid berbangsa Cina, sering melakukan kesalahan struktur ayat (Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod & Irma Maha, 2021), manakala Norliza et al. (2021) menyatakan ramai murid gagal mengemukakan isi penting dengan tepat. Kekurangan penguasaan kosa kata juga menyukarkan pemahaman teks dan penulisan ayat yang jelas (Farah, 2019; Ramli, 2017). Kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) turut menyatakan bahawa murid gagal menguasai penggunaan kosa kata dan struktur ayat disebabkan kurang membaca. Oleh itu, guru perlu merancang strategi pengajaran yang berkesan dan melibatkan murid secara langsung dalam proses penulisan (Norafidah, 2017).

Dalam konteks amalan pengajaran guru pula, pelbagai cabaran dikenalpasti. Menurut Najlaa Shazana (2022), terdapat kekurangan dari segi pengetahuan dan kemahiran guru dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan guru lebih cenderung menggunakan kaedah berpusatkan guru. Hal ini menyebabkan murid kurang berminat dan tidak aktif dalam pembelajaran. Norafidah (2017) juga menyatakan bahawa murid menganggap penulisan karangan sebagai sesuatu yang membebankan. Tambahan pula, beban tugas hakiki dan peranan kepimpinan guru memberi kesan terhadap pelaksanaan PdP yang berkesan (Asma, 2023). Ini turut menjejaskan amalan pedagogi abad ke-21 (PAK-21) yang seharusnya diamalkan dalam

bilik darjah (Mohammed Sani Ibrahim, 2017). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi.

Kerangka Teori Kajian



Rajah 1 : Teori Refleksi Wallace

Penggunaan Teori Refleksi Wallace dalam kajian ini dapat membantu penyelidik memahami bagaimana guru pemimpin pertengahan menganalisis cabaran PdP mereka, dan bagaimana mereka boleh membina amalan pengajaran yang lebih responsif dan berkesan melalui refleksi berterusan.

Sorotan Literatur

Isu dan Cabaran dalam Kemahiran Menulis Karangan

Kemahiran menulis karangan dalam Bahasa Melayu masih menjadi cabaran utama dalam kalangan pelajar di Malaysia. Menurut Mohd Harman Md Rodzi dan Alizah Lambri (2024), salah satu isu utama dalam pengajaran karangan ialah kesukaran murid mengenal pasti isi dan mengolah idea disebabkan kekurangan pengetahuan dan idea. Murid yang tidak fasih dalam Bahasa Melayu, khususnya pelajar bukan penutur asli seperti pelajar berbangsa Cina, sering melakukan kesalahan ayat yang mengakibatkan mereka gagal menghasilkan karangan yang lengkap dan berkualiti, sekali gus menjejaskan pencapaian akademik mereka (Farah, 2019). Tambahan pula, penguasaan perbendaharaan kata yang lemah menyukarkan murid memahami teks dan menyampaikan maklumat dengan jelas. Keberkesanan pengajaran guru juga memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah ini. Simah Mamat et al. (2021) menegaskan bahawa kecekapan murid dalam menguasai kemahiran menulis dipengaruhi oleh kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru. Selaras dengan itu, Nurzuliana (2019) menyatakan guru berperanan sebagai pendidik, pemudah cara, dan fasilitator yang kritikal dalam memastikan kejayaan pembelajaran murid. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada mengenal pasti isu dan cabaran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan serta mencadangkan pendekatan kolaboratif sebagai strategi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Isu dan Cabaran

Murid

Permasalahan yang dihadapi oleh murid sekolah menengah dan rendah dalam kemahiran menulis telah menjadi perhatian utama dalam pendidikan di Malaysia. Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh semua murid. Namun begitu, masalah ini bukan sahaja disebabkan oleh sikap murid (Hanafi et al., 2017), tetapi juga faktor pengajaran guru dan sikap ibu bapa (Mohd Izzuddin, 2018). Sikap malas murid menyebabkan mereka tidak dapat menulis dengan baik kerana menganggap penulisan karangan sebagai bebanan dan tugas yang memenatkan. Murid yang kurang gemar membaca akan sukar mengembangkan kosa kata dan tidak tahu menghubungkan isi dengan huraian secara teratur. Akibatnya, mereka menghadapi kesulitan dalam menghasilkan karangan yang berkualiti. Antara masalah yang dihadapi termasuklah kesukaran menyusun idea dan huraian dengan baik, kesukaran menyiapkan karangan dalam masa yang diberikan kerana terlalu lama mencari idea, serta kekurangan isi dan pengulangan penggunaan isi yang sama (Mohd Harman dan Alizah Lambri, 2024). Masalah ini sejajar dengan kajian Md Fadzil dan Zamri (2020) yang menyatakan bahawa murid sukar mengolah ayat kerana kekurangan kosa kata.

Selain itu, kesalahan ortografi juga kerap dilakukan oleh murid, terutama murid dari kawasan luar bandar Sabah yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian Anne Jeffrey dan Saidatul Nornis (2020) mendapati murid sering melakukan kesalahan penggunaan tanda baca, terutamanya tanda noktah dan koma dalam penulisan karangan. Kajian Siti Rahayu dan Sharil (2020) pula menyatakan bahawa kesalahan imbuhan sering dilakukan oleh murid berbangsa Cina, dengan sebanyak 60% murid melakukan kesalahan tersebut (Amirra Shazreena Aminul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam, 2019). Kesalahan ini memberi

impak negatif terhadap markah penulisan murid kerana penggunaan imbuhan sangat penting dalam menentukan struktur ayat dan makna sesebuah penulisan. Akibatnya, markah akan ditolak kerana penggunaan imbuhan yang tidak betul dan salah, yang boleh mengubah maksud ayat serta mengelirukan pembaca.

Guru

Faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan murid ialah pendekatan pengajaran guru yang masih mengamalkan pembelajaran tradisional berpusatkan guru (Andrew, 2019). Pendekatan ini tidak memberi ruang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis kerana merekabergantung sepenuhnya kepada penerangan guru tanpa peluang untuk mengemukakan idea atau pendapat sendiri. Murid hanya mendengar arahan yang diberikan dan menerima maklumat secarasatu hala, yang membataskan perkembangan kemahiran berfikir mereka. Hal ini berlaku kerana guru masih belum dapat menerima perubahan semasa dalam kaedah pengajaran (Plycia Exshonna Mat dan Nor Azwahanum, 2023). Apabila isi dan huraian sering diberikan oleh guru, murid sukar menyusun hujah atau mencari penyelesaian masalah, malah tidak mampu menjawab soalan yang diberikan. Kebergantungan berterusan kepada guru dalam memberi isi dan huraian menyebabkan murid kehilangan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam menghasilkan karangan sendiri. Mereka sukar mengembangkan idea atau huraian apabila diminta menulis karangan kerana tidak dilatih untuk merangka isi secara bebas.

Dalam penulisan karangan, kemampuan menyusun hujah secara teratur dan menyertakan contoh yang relevan adalah sangat penting. Jika murid tidak diberi kebebasan membina huraian sendiri, mereka tidak dapat memahami proses penghasilan karangan. Ini kerana guru sering memberikan isi tanpa meminta murid berusaha menghasilkan karangan sendiri. Tambahan pula, penulisan karangan berkualiti memerlukan kemahiran merancang atau merangka isi seperti pendahuluan, isi utama, dan kesimpulan. Jika murid tidak dilatih mencari isi sendiri, mereka akan menghadapi kesukaran dalam peperiksaan kerana tiada bahan atau guru yang membantu ketika itu. Keadaan ini berpunca daripada pendekatan pengajaran yang kurang menekankan kemahiran berfikir (Anthony dan Yahya, 2017).

Justeru, amalan pengajaran guru memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah ini. Guru perlu mengubah strategi pengajaran untuk meningkatkan minat murid, khususnya murid daripada etnik minoriti yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Plycia Exshonna Mat dan Nor Azwahanum, 2023). Mereka tidak terbiasa menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian. Contohnya, pelajar berbangsa Cina menggunakan Bahasa Mandarin sebagai bahasa pertama, manakala murid dari Sabah lebih cenderung menggunakan bahasa ibunda seperti Kadazan-Dusun, Bajau, dan Murut. Perbezaan bahasa ibunda dengan struktur, sebutan, dan kosa kata Bahasa Melayu menyebabkan cabaran dalam penguasaan bahasa ini. Menurut Ugartini Magesvaran et al. (2021), Sekolah Menengah Persendirian Cina sering melakukan kesalahan dari aspek struktur ayat, yang merupakan kekerapan tertinggi dalam kajian tersebut.

Strategi Pengajaran Perlu Diamalkan Oleh Guru

Menghasilkan penulisan karangan bukanlah satu tugas yang mudah kerana ia melibatkan kemahiran berfikir secara mendalam dan menterjemahkan pemikiran tersebut dalam bentuk tulisan. Oleh itu, seorang pendidik perlu memiliki pelbagai kemahiran pedagogi serta

pengetahuan dalam pendekatan dan strategi pengajaran yang berkesan untuk pengajaran penulisan. Kemahiran guru dalam mengatur strategi pengajaran merupakan satu kelebihan penting (Asmah Saad, 2023) kerana dapat membantu murid yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang berbeza-beza. Dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai, guru dapat membantu murid mengembangkan idea serta kemahiran berfikir secara kreatif. Strategi pengajaran yang tepat dan berkesan dapat membimbing murid dalam menyusun idea, meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi, serta menghasilkan karangan yang baik dan berkualiti.

Penulisan karangan yang memerlukan kemahiran berfikir mendalam juga memerlukan guru yang menguasai teknik pengajaran yang efektif serta mampu menarik minat murid dalam pelajaran penulisan karangan. Hal ini penting kerana tidak semua murid berminat dalam penulisan karangan, terutama apabila mereka menghadapi kesukaran mengenal pasti dan mengembangkan isi karangan (Mohd Harman dan Alizah Lambri, 2024). Kekurangan minat ini sering disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada bahan bacaan dan kurangnya idea. Apabila murid kurang terdedah kepada bahan bacaan, mereka tidak mempunyai pengetahuan yang luas untuk membina karangan yang berkualiti.

Oleh itu, guru perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat membaca di kalangan murid kerana kemahiran membaca berkait rapat dengan kemahiran menulis. Strategi ini dapat membantu murid mengembangkan idea dengan lebih teratur, sekaligus meningkatkan keyakinan dan kemahiran mereka dalam penulisan karangan. Amalan pengajaran yang baik oleh guru mampu menarik minat murid untuk mempelajari cara menulis karangan dengan baik serta membantu mereka menguasai kemahiran menulis secara cemerlang.

Elemen Pembelajaran Kolaboratif

Antara elemen penting dalam pembelajaran kolaboratif ialah gerak kerja kumpulan, variasi kemahiran dalam kumpulan, dan penggunaan teknologi dalam kelas (Noor Muslieah Mustafa Kamal et al., 2022). Elemen-elemen ini memainkan peranan utama dalam meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran kolaboratif. Melalui kerjasama dalam kumpulan, pelajar dapat saling bergantung antara satu sama lain untuk mencapai matlamat yang sama. Interaksi dua hala amat penting kerana komunikasi antara guru dan murid dapat meningkatkan penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran serta merapatkan hubungan antara guru dan murid. Selain itu, ia juga membantu mewujudkan kemahiran sosial seperti komunikasi dan keyakinan diri. Pada masa yang sama, guru dapat memahami keperluan murid yang mempunyai tahap kefahaman berbeza, membolehkan guru menyesuaikan strategi pengajaran mereka dalam kelas.

Perbezaan Pengajaran Tradisional dan Pengajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran tradisional merupakan dua pendekatan yang berbeza dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran kolaboratif menekankan kerjasama antara murid, manakala pembelajaran tradisional lebih berpusatkan guru sebagai penyampai maklumat. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini amat menitikberatkan penglibatan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Menurut Gillies (2019), pembelajaran kolaboratif bukan sahaja melibatkan penyertaan aktif murid, tetapi juga dapat meningkatkan kefahaman mereka melalui perbincangan dengan rakan sebaya. Secara tidak langsung, ia memupuk kemahiran penyelesaian masalah. Pembelajaran kolaboratif boleh

dijalankan melalui pelbagai aktiviti seperti forum, kerja berkumpulan, atau projek berkumpulan kerana ia dapat meningkatkan kemahiran kerja berpasukan, komunikasi, dan penyelesaian masalah (Mohd Zulkarnaian Samri dan Nurul Farhana Jumaat, 2024).

Melalui perbincangan bersama rakan-rakan dalam aktiviti kolaboratif, murid dapat berkongsi idea dan pendapat serta mencapai matlamat bersama iaitu kejayaan pasukan (Fauziah Md Jaafar et al., 2021). Sebaliknya, pengajaran berpusatkan guru bersifat pasif, di mana guru mengajar di hadapan kelas dan murid hanya mendengar penerangan tanpa peluang untuk berinteraksi secara dua hala (Fauziah Md Jaafar et al., 2021). Keadaan ini menyebabkan murid tidak berpeluang menyuarakan pendapat, bertanya soalan, atau berperbincangan antara satu sama lain. Pendekatan ini juga kurang menarik minat murid terhadap topik yang dipelajari.

Dapatan kajian Fauziah Md Jaafar et al. (2021) mendapati bahawa kaedah pengajaran tradisional kurang berkesan berbanding pembelajaran koperatif (kolaboratif) dalam menarik minat murid. Pembelajaran kolaboratif memberikan peluang kepada murid untuk berinteraksi dan bekerjasama dalam kumpulan serta meningkatkan penglibatan mereka dalam pembelajaran. Melalui pendekatan ini, murid dapat berkongsi idea, menyelesaikan masalah bersama rakan, dan merapatkan hubungan sosial antara satu sama lain. Sebaliknya, apabila murid hanya mendengar penjelasan guru, mereka akan berasa bosan dan kurang berminat kerana kekurangan elemen pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar. Keadaan ini akhirnya memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes bagi memahami secara mendalam cabaran yang dihadapi oleh Guru Pemimpin Pertengahan (GPP) dalam melaksanakan pembelajaran kolaboratif bagi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan di beberapa buah Sekolah Menengah di kawasan Tawau, Sabah. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan akses penyelidik serta kewujudan GPP yang aktif menjalankan pengajaran Bahasa Melayu dan terlibat secara langsung dalam proses pelaksanaan pembelajaran kolaboratif. Responden kajian terdiri daripada guru pemimpin pertengahan Bahasa Melayu yang berkhidmat di sekolah menengah terpilih. Mereka dikenal pasti melalui rujukan pihak pentadbir sekolah serta penglibatan aktif dalam pengurusan kurikulum dan PdP subjek Bahasa Melayu. Pemilihan responden dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan hanya individu yang benar-benar memenuhi kriteria penyelidikan dipilih. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur yang dilaksanakan secara bersemuka.

Temu bual ini dirancang menggunakan protokol panduan yang dibina berdasarkan objektif kajian. Setiap sesi temu bual dirakam dengan kebenaran responden dan transkrip disediakan untuk tujuan analisis. Temu bual ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang kaya dan bermakna berkaitan cabaran sebenar yang dihadapi oleh GPP dalam pelaksanaan pembelajaran kolaboratif. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Penyelidik membaca dan meneliti transkrip temu bual secara berulang untuk mengenal pasti tema dan subtema yang berkaitan dengan cabaran pelaksanaan pembelajaran kolaboratif. Kod-kod awal dibina, dikategorikan, dan seterusnya dibentuk menjadi tema utama yang merumuskan dapatan kajian. Keabsahan data dipastikan melalui kaedah triangulasi dan semakan oleh rakan penyelidik (*peer checking*).

Cadangan Kajian Lanjutan

Bagi mengatasi isu dan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid, pendekatan pembelajaran kolaboratif dapat dijadikan strategi yang berkesan. Melalui pembelajaran kolaboratif, murid didorong untuk bekerjasama dalam kumpulan bagi berkongsi idea, membincangkan isi, dan menyelesaikan masalah penulisan secara bersama. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran, malah menggalakkan mereka mengembangkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) serta kreativiti dalam menghasilkan karangan yang berkualiti.

Dapatan kajian oleh Mohd Zulkarnaian Samri dan Nurul Farhana Jumaat (2024) menunjukkan bahawa melalui pembelajaran kolaboratif, murid saling berbincang dan berkongsi pendapat, secara tidak langsung meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Pendekatan ini membantu murid memahami topik dengan lebih mendalam serta mengingat fakta atau maklumat dengan lebih berkesan. Konsentrasi murid juga meningkat selari dengan minat mereka terhadap sesuatu perkara.

Minat memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pembelajaran kerana ia mampu meningkatkan motivasi murid untuk terus berusaha memahami dan mengingat pelajaran yang telah dipelajari. Tanpa minat, murid akan berasa bosan atau kurang teruja untuk mendalami sesuatu topik, yang akhirnya menjejaskan prestasi mereka. Perkara ini disokong oleh Azhar Stapa et al. (2017) yang menyatakan bahawa apabila seseorang berminat terhadap sesuatu perkara, mereka akan lebih mudah memberi tumpuan dan fokus kepadanya.

Rumusan

Secara kesimpulannya, pembelajaran kolaboratif dapat meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid. Hal ini demikian kerana dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif di mana murid dapat berkongsi pendapat, bertukar idea dan berbincang antara satu sama yang lain. Aktiviti yang menyeronokan dapat menarik minat mereka untuk belajar kerana pembelajaran secara berpasangan atau berkumpulan, murid dapat bekerjasama dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penulisan karangan seperti kosa kata, tatabahasa, isi karangan dan juga huraian. Sekiranya aktiviti ini melibatkan komunikasi atau pembentangan di hadapan, pembelajaran ini dapat meningkatkan keyakinan murid untuk bercakap di hadapan kelas dan dapat mengatasi perasaan takut dan juga gugup. Tambahan pula, dapat membina keberanian murid untuk menyampaikan idea atau pendapat mereka secara terbuka. Selain itu, pembelajaran kolaboratif memberi peluang kepada murid untuk berbincang dan merancang penulisan mereka bersama-sama serta melalui pembelajaran kolaboratif, mereka dapat memperoleh idea-idea yang lebih kreatif yang boleh membantu mereka menghasilkan penulisan yang lebih baik dan berkualiti. Kajian ini telah memberikan gambaran yang jelas tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru pemimpin pertengahan Bahasa Melayu dalam melaksanakan pembelajaran kolaboratif bagi penulisan karangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara cabaran utama termasuklah beban tugas hakiki, kekangan masa, tahap penguasaan murid yang tidak seimbang, serta kekurangan sumber dan sokongan dalam pelaksanaan strategi PdP yang bersifat kolaboratif.

Kajian ini turut memberi implikasi penting terhadap keperluan latihan dan sokongan profesional yang lebih menyeluruh kepada guru, khususnya dalam aspek penerapan pedagogi abad ke-21 dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran penulisan. Pihak sekolah dan pembuat dasar juga boleh menggunakan hasil kajian ini untuk merangka strategi penambahbaikan yang lebih bersasar dan efektif. Sebagai kesimpulan, objektif kajian ini telah berjaya dicapai, iaitu mengenal pasti dengan jelas cabaran yang dihadapi oleh guru pemimpin pertengahan dalam melaksanakan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Penemuan ini diharap dapat menjadi asas kepada kajian lanjutan dan penambahbaikan amalan pengajaran di peringkat sekolah menengah.

Perakuan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia dan Pensyarah yang terlibat dalam penulisan kertas konsep ini atas bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses penulisan. Tidak lupa juga penulis mengucapkan terima kasih atas sokongan moral yang diberikan oleh keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan dorongan dan bantuan sepanjang tempoh penyediaan kertas ini. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan bermakna kepada bidang pendidikan dan menjadi rujukan berguna kepada guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu.

Rujukan

- Amirra Shazreena Aminul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of The Malay World and Civilisation*. Vol 7(1) :3-13.
- Andrew Emparan, Rozita Radhiah Said & Roselan Baki. (2019). Meneroka penggunaan teknik *flipped classroom* dalam pengajaran kemahiran menulis. *International Journal of Education and Training*, 5(1): 1-8.
- Anne Jeffrey dan Saidatul Nornis. (2021). Kesalahan Ejaan Dalam Karangan Murid Sekolah Menengah Di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Melayu*. 20(1).
- Anthony Aloysius Akup dan Yahya Othman. (2017). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 44-55
- Asma Binti Saad. (2023). Pengaruh Pembudayaan Komuniti Pembelajaran dan Amalan Kolaboratif Terhadap Kualiti Pengajaran Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Pemimpin Pertengahan. Penerbit : Universiti Utara Malaysia
- Farah Adlina Mokter. (2019). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Pencapaian dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1) – 33-46
- Fauziah Md Jaafar, Rafisah Osman, Khaliza Said. (2021). Kesan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Pencapaian Akademik Penguasaan Kemahiran Jawi. *International Journal of Education and Learning*, 3(1), 1-10.
- Habibah @ Artini Ramlie, Norshahrul Marzuki, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad dan Sailfulazry Mokhtar. (2020). Analisis kandungan Kemahiran Bahasa Melayu dalam Kurikulum Prasekolah di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 11(1) : 46-67

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Md Fadzil Masri dan Zamri Mahamod. (2020). Keberkesanan kaedah *flipped classroom* dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan murid-murid sekolah rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1): 189-203
- Mohd Harman Md Rodzi dan Alizah Lambri. (2024). Persepsi Murid Tahap 2 terhadap Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2) : 208-215
- Mohd Zulkarnian Samri dan Nurul Farhana Jumaat. (2024). Pendekatan Pembelajaran Kolaboratif dalam Talian bagi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Kesannya ke Atas Pencapaian Pelajar. *Sains Humanika*, 16(2) : 85-91
- Muhamad Azhar Stapa, Mohamad Ibrahim dan Amri Yusoff. (2017). Kolaborasi dalam Pendidikan Vokasional: Mewujudkan Pembelajaran Teradun Melalui Teknolgi Web 2.0
- Najlaa Shazana Binti Mohamad. (2022). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Sekolah Menengah . UPSI
- Noot Muslieh Mustafa Kamal, Zaharah Hussin dan Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Elemen Kolaborasi Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Huetagogi. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1) : 372-386
- Norafidah Binti Noralidin. (2017). Pembinaan Model Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Berdasarkan Teori Konstruktivisme. Penerbit : Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman dan Abdul Munir Ismail. (2021). Kesan Penggunaan Peta Pemikiran Terhadap Pengajaran Penulisan Karangan Murid Tahun Lima : The Effect of Using Thinking Maps on the Teaching of Essay Writing Among Year Five Students. *Jurnal Manu*, 32(1) : 1-17
- Robyn Margaret Gillies. (2019). Promoting Academically Productive Student Dialogue During Collaboratif Learning *International Journal of Educational Research*, 97 : 200-209
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod dan Irma Maha. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). Dlm. *Proceeding of International Conference on Business Studies and Education (ICBE)* (p. 44-60). Sungai Petani, Malaysia: ICBE Publication.
- Vijayaletchumy Subramaniam, Richard Ignacy, Rahma Ahmad H, Osmah dan Salmah Jan Noor Muhammad. (2024). Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK) : Strategi Pengajaran Guru dalam Kemahiran Menulis. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(3) : 14-28